

19 JUL 2002

Sultan-Putrajaya (Bergambar)

SULTAN DAN RAJA PEREMPUAN KELANTAN LAWAT PUTRAJAYA

PUTRAJAYA, 19 Julai (Bernama) -- Sultan Kelantan dan Raja Perempuan Kelantan hari ini berkenan melawat pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya di sini.

Keberangkatan tiba Tengku Ismail Petra dan Tengku Anis Tengku Abdul Hamid di Kompleks Jabatan Perdana Menteri disambut Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Hadir sama Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman.

Turut menyertai lawatan diraja ialah dua putera baginda, Tengku Mahkota Kelantan Tengku Muhammad Faris Petra dan Tengku Temenggong Kelantan Tengku Muhammad Fakry Petra serta puteri baginda, Tengku Amalin 'A-Ishah Petri.

Keluarga diraja itu diberi taklimat mengenai pelan pembangunan Putrajaya oleh Pengarah Jabatan Perancangan Bandar Perbadanan Putrajaya, Jevasingam Isaac John.

Baginda berdua kemudiannya menandatangani buku pelawat di Aras 6 bangunan berkenaan sebelum meninjau pemandangan keseluruhan Putrajaya di aras yang sama.

Sultan Kelantan turut meluangkan masa melihat pejabat Perdana Menteri, Bilik Kabinet dan Bilik Mesyuarat Perdana.

Selepas itu, baginda bersama Dr Mahathir menunaikan Solat Jumaat di Masjid Putra. Selepas solat, Sultan Kelantan dan Dr Mahathir turut bersalaman dengan para jemaah yang lain.

Pada masa yang sama Raja Perempuan Kelantan dan Dr Siti Hasmah pula mempunyai acara berasingan dengan melawat Hospital Putrajaya.

Lawatan keluarga diraja itu diakhiri dengan jamuan tengah hari bersama Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah di kediaman rasmi Perdana Menteri di Seri Perdana.

-- BERNAMA

RZS ZS ROS